



NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 60**

**30hb Ogos 2007**

**No. 18**

---

---

UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN SELANGOR, 1959

THE LAWS OF THE CONSTITUTION OF SELANGOR, 1959

**No. 2360.**

MENARIK BALIK GELARAN

WITHDRAWAL OF TITLE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara XXXIX Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, setelah berunding dengan Dewan di-Raja, telah memperkenankan supaya Gelaran Dato' Paduka Mahkota Selangor yang telah dikurniakan kepada Encik Chow C.K. Kenneth A. Wira Tjakrrawinata yang beralamat di No. 5 Jalan 225, 46100 Petaling Jaya, Selangor, ditarik balik berkuat kuasa mulai 2 Ogos 2007.

[DRR. Sel. 1/06 Jld. 1(S); PU. Sel. (S) 14/111]

In exercise of the powers conferred by Article XXXIX of the Laws of the Constitution of Selangor, 1959, His Royal Highness the Sultan of Selangor, after consultation with the Dewan di-Raja, has assented that the Title of Dato' Paduka Mahkota Selangor which was conferred upon Encik Chow C.K. Kenneth A. Wira Tjakrrawinata of No. 5 Jalan 225, 46100 Petaling Jaya, Selangor, be withdrawn with effect from 2 August 2007.

[DRR. Sel. 1/06 Jld. 1(S); PU. Sel. (S) 14/111]

## AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

## SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

**No. 2361.**

## PELANTIKAN-PELANTIKAN MAJISTRET KELAS DUA

## APPOINTMENTS OF SECOND CLASS MAGISTRATE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Suhaimi bin Mamat menjadi Majistret Kelas Dua di dan bagi Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Petaling, Sepang, Kuala Langat, Hulu Langat, Hulu Selangor dan Gombak berkuat kuasa mulai 1 Julai 2007.

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority has appointed Suhaimi bin Mamat to be a Second Class Magistrate in and for the District of Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Petaling, Sepang, Kuala Langat, Hulu Langat, Hulu Selangor and Gombak with effect from 1 July 2007.

Bertarikh 2 Ogos 2007

Dated 2 August 2007

[JKPTG(Sel.); PU. Sel. Am 0008 Jld. 4]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

*Menteri Besar Selangor/*

*Menteri Besar of Selangor*

**No. 2362.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 79(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual menjadi Majistret Kelas Dua di dan bagi Daerah yang disebutkan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 79(2) of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule to be Second Class Magistrates in and for the District mentioned in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Mohamad Rohib bin Misnan	Hulu Selangor	16-11-2006
Azrihisyam bin Jambut	Gombak	3-1-2007

(1)	(2)	(3)
Norazilawati binti Md. Azizi	Gombak	17-1-2007
Mohd Rejab bin Ramly	Gombak	5-2-2007
Mohd Khairuddin bin Md Som	Kuala Selangor	16-2-2007
Zaitie Ezwa bin Affandi	Kuala Langat	14-3-2007
Mohd Faisal bin Idris	Hulu Langat	15-3-2007
Shahrizwan bin Shamsudin	Klang	23-4-2007
Ruzilawati binti Surip	Hulu Langat	3-5-2007
Ahmad Sukeri bin Mohamed	Petaling	3-5-2007
Mohd Sazipon bin Mazlan	Klang	3-5-2007
Mutia Azura binti Mohamed	Hulu Langat	22-5-2007

Bertarikh 30 Julai 2007

Dated 30 July 2007

[PTGS/BDP 06/01, 02, 03, 04, 05, 07, 08/2005; PU. Sel. Am 0008 Jld. 4]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
*Menteri Besar Selangor/  
Menteri Besar of Selangor*

## KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

## NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

### No. 2363.

PELANTIKAN-PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENTS UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual menjadi Timbalan Pendaftar Hakmilik di dan bagi Negeri Selangor berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (2).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule to be Deputy Registrars of Title in and for the State of Selangor with effect from the dates specified in column (2).

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Aziz bin Hairon	1-3-2007
Noor Faiza binti Badarudin	1-3-2007

Bertarikh 30 Julai 2007

Dated 30 July 2007

[PTGS/BDP 06/10/2005; PU. Sel. Am 0008 Jld. 4]

DATO' RAMLI BIN MAHMUD  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/  
 State Secretary of Selangor*

**No. 2364.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Suhaimi bin Mamat menjadi Penolong Pentadbir Tanah di dan bagi Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Hulu Langat, Petaling, Sepang, Hulu Selangor dan Gombak berkuat kuasa mulai 1 Julai 2007.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has appointed Suhaimi bin Mamat to be an Assistant Land Administrator in and for the District of Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Hulu Langat, Petaling, Sepang, Hulu Selangor and Gombak with effect from 1 July 2007.

Bertarikh 2 Ogos 2007

Dated 2 August 2007

[JKPTG(Sel.); PU. Sel. Am 0008 Jld. 4]

DATO' RAMLI BIN MAHMUD  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/  
 State Secretary of Selangor*

**No. 2365.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk memegang jawatan yang dinyatakan dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [Act 56/1965], the State Authority has appointed the persons named in column (1) of the Schedule to hold the posts specified in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

## JADUAL/SCHEDULE

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Post	(3) Tarikh/Date
Mohni bin Yahya	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor <i>Assistant Land Administrator District of Hulu Selangor</i>	18-11-2003
Muhammad Arif bin Haji Tauhid	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor <i>Assistant Land Administrator District of Hulu Selangor</i>	1-6-2005
Mohamad Rohib bin Misnan	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Hulu Selangor <i>Assistant Land Administrator District of Hulu Selangor</i>	16-11-2006
Shahrizwan bin Shamsudin	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Klang <i>Assistant Land Administrator District of Klang</i>	23-4-2007
Tahir bin Abdullah	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Petaling <i>Assistant Land Administrator District of Petaling</i>	27-4-2007
Ruzilawati binti Surip	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat <i>Assistant Land Administrator District of Hulu Langat</i>	3-5-2007
Ahmad Sukeri bin Mohamed	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Petaling <i>Assistant Land Administrator District of Petaling</i>	3-5-2007
Mohd Sazipon bin Mazlan	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Klang <i>Assistant Land Administrator District of Klang</i>	3-5-2007
Zulkepli bin Ahmad	Pentadbir Tanah Daerah Petaling <i>Land Administrator District of Petaling</i>	10-5-2007
Roselina binti Mokhtar	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat <i>Assistant Land Administrator District of Hulu Langat</i>	16-5-2007
Samsudin bin Ismail	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Petaling <i>Assistant Land Administrator District of Petaling</i>	21-5-2007
Mutia Azura binti Mohamed	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat <i>Assistant Land Administrator District of Hulu Langat</i>	22-5-2007

WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

2154

[30hb Ogos 2007

(1) Nama/Name	(2) Jawatan/Post	(3) Tarikh/Date
Azrihisyam bin Jambut	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Gombak <i>Assistant Land Administrator District of Gombak</i>	3-1-2007
Norazilawati binti Md. Azizi	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Gombak <i>Assistant Land Administrator District of Gombak</i>	17-1-2007
Mohd Rejab bin Ramly	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Gombak <i>Assistant Land Administrator District of Gombak</i>	5-2-2007
Zaitie Ezwa binti Affandi	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i>	14-3-2007
Mohd Faisal bin Idris	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat <i>Assistant Land Administrator District of Hulu Langat</i>	15-3-2007
Ariza Liyana binti Yahya	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Gombak <i>Assistant Land Administrator District of Gombak</i>	1-4-2007
Ibrahim bin Abd. Rashid	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Gombak <i>Assistant Land Administrator District of Gombak</i>	16-4-2007
Muhamad Ghazali bin Ismail	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Klang <i>Assistant Land Administrator District of Klang</i>	16-4-2007
Suhaimi bin Kamarudin	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Kuala Langat <i>Assistant Land Administrator District of Kuala Langat</i>	16-4-2007
Che Ab. Rahman bin Che Lah	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Petaling <i>Assistant Land Administrator District of Petaling</i>	23-5-2007
Zaitun binti Zabidi	Penolong Pentadbir Tanah Daerah Petaling <i>Assistant Land Administrator District of Petaling</i>	23-5-2007

Bertarikh 30 Julai 2007

Dated 30 July 2007

[PTGS/BDP 06/01, 02, 03, 04, 05, 07, 08/2005; PU. Sel. Am 0008 Jld. 4]

DATO' RAMLI BIN MAHMUD  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor/  
State Secretary of Selangor*

**No. 2366.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS-NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH-TANAH  
BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICES OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LANDS FOR  
A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 173 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 26 Mac 1970, Pihak Berkuasa Negeri Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. 27,348 yang disimpan di Pejabat Ketua Juru Ukur Selangor menjadi suatu rizab bagi maksud suatu tapak kawasan padang di bawah kawalan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Klang:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam Mesyuarat telah mewakili perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, dengan ini memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang 1, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor pada pukul 10.00 pagi pada 25 September 2007.

## JADUAL

Daerah—Klang. Bandar—Klang. No. Pelan—27348. No. Lot—175 Seksyen 14. Luas—96,980 kaki persegi. Luas untuk dibatalkan rizab—96,980 kaki persegi.

Bertarikh 3 Julai 2007

[PTK. 10A/17/2001; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 11]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
*Menteri Besar*  
*Selangor*

Whereas, by Notification No. 173 published in the Selangor State Government *Gazette* on 26 March 1970, the State Authority of Selangor, in exercise of the powers conferred under subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965], had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 27,348 deposited in the office of the Chief Surveyor of Selangor, to be a reserve for the purpose of a site for Recreation Ground to be maintained by the Yang DiPertua Majlis Perbandaran Klang:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [Act 56/1965] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid reservation as described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Land and Mines of Selangor at an enquiry to be heard at the Gemilang Meeting Room 1, Land and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor at 10.00 a.m. on 25 September 2007.

#### SCHEDULE

District—Klang. Town—Klang. Plan No.—27348. Lot No.—175 Section 14. Area—96,980 square feet. Area to be revoked—96,980 square feet.

Dated 3 July 2007  
[PTK. 10A/17/2001; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 11]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
*Menteri Besar*  
*Selangor*

#### No. 2367.

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 3749-14 yang disiarkan dalam *Warta Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 15 Disember 1914, Residen Selangor pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 9 Enakmen Tanah 1911, telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. 8,829 yang disimpan di Pejabat Penguasa Hasil Ukur Selangor menjadi suatu rizab bagi maksud suatu tapak untuk Bangunan Kerajaan di bawah kawalan Pengarah Perhutanan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam Mesyuarat telah mewakilkan perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] kepada Menteri Besar Selangor:



Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, dengan ini memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang 1, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor pada pukul 10.00 pagi pada 2 Oktober 2007.

## JADUAL

Daerah—Klang. Bandar—Pelabuhan Klang. No. Pelan—8,829. No. Lot—8 Seksyen 16. Luas—2,635 meter persegi. Luas untuk dibatalkan rizab—2,635 meter persegi.

Bertarikh 3 Julai 2006

[PTK. 10A/62/06; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 11]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
*Menteri Besar*  
*Selangor*

Whereas, by Notification No. 3749-14 published in the F.M.S. Government *Gazette* on 15 December 1914, the Resident of Selangor, in exercise of the powers conferred under section 9 of the Land Enactment 1911, had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 8,829 deposited in the office of the Superintendent of Revenue Survey of Selangor, to be a reserve for the purpose of a site for Government Buildings to be controlled by the Conservator of Forest, Federated Malay States:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [*Act 56/1965*] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid

as described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Lands and Mines of Selangor at an enquiry to be held at the Gemilang Meeting Room 1, Lands and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor at 10.00 a.m. on 2 October 2007.

## SCHEDULE

District—Klang. Town—Port Klang. Plan No.—8,829. Lot No.—8 Section 16. Area—2,635 square metres. Area to be revoked—2,635 square metres.

Dated 3 July 2006  
[PTK. 10A/62/06; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 11]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO  
*Menteri Besar*  
*Selangor*

**No. 2368.**

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 780 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 26 November 1959, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*], telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. 26222 yang disimpan di pejabat Penguasa Hasil Ukur Selangor menjadi suatu rizab bagi maksud suatu tapak Hasil Percubaan Pertumbuhan Berkawal di bawah kawalan Pengarah Perhutanan Negeri Selangor:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam Mesyuarat telah mewakilkan perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan di dalam *Warta Kerajaan Selangor* sebagai Sel. G.N. No. 2196 pada 18 Disember 2006 dan bahawasanya siasatan pada hari tersebut tidak dapat dijalankan atas sebab masalah teknikal dengan demikian notis tersebut dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, sekali lagi memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor pada pukul 10.00 pagi pada 11 September 2007.

## JADUAL

Daerah—Gombak. Mukim—Rawang. No. Pelan—26222. No. Lot—5070. Luas—112.1163 ekar. Luas untuk dibatalkan rizab—112.1163 ekar.

Bertarikh 29 Julai 2007

[PTG. 9/2/11/2001; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 11]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

*Menteri Besar*

*Selangor*

Whereas, by Notification No. 780 published in the Selangor Government *Gazette* on 26 November 1959, the Menteri Besar of Selangor, in exercise of the powers conferred under subsection 62(1), of the National Land Code [Act 56/1965], had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 26222 deposited in the office of the Superintendent of Revenue Survey of Selangor, to be a reserve for the purpose of a site for Controlled Growth Experiments to be controlled by the State Forest Officer of Selangor:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [Act 56/1965] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the whole of the aforesaid reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the State Director of Lands and Mines of Selangor to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with the provisions of section 433 of the National Land Code and also published in the *Gazette* of the Government of the State of Selangor as Sel. G.N. No. 2196 on 18 December 2006, and that the enquiry could not be held on that day due to technical problems, therefore the notice was cancelled:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, once again gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid reservation as described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Lands and Mines of Selangor at an enquiry to be held at the Gemilang Meeting Room, Land and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor at 10.00 a.m. on 11 September 2007.

## SCHEDULE

District—Gombak. Mukim—Rawang. Plan No.—26222. Lot No.—5070. Area—112.1163 acres. Area to be revoked—112.1163 acres.

Dated 29 July 2007

[PTG. 9/2/11/2001; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 11]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

*Menteri Besar*  
*Selangor*

**No. 2369.**

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 450 yang disiarkan dalam *Warta Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 23 Ogos 1956, Menteri Besar Selangor, pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 24(i) Kanun Tanah, telah mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan di dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Hasil Ukur No. 20957 yang disimpan di pejabat Penguasa Hasil Ukur Selangor menjadi suatu rizab bagi maksud suatu tapak Simpanan Kuari Jabatan Kerja Raya Bukit Badong di bawah kawalan Jurutera Negeri Selangor:

Dan bahawasanya, melalui Sel. P.U. 17 yang disiarkan dalam *Warta Negeri Selangor* pada 7 Jun 1984, Raja dalam Mesyuarat telah mewakilkan perjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Menteri Besar Selangor:

Dan bahawasanya, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Menteri Besar Selangor supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, Menteri Besar Selangor pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat dan diwakilkan kepadanya, dengan ini memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor di suatu siasatan yang akan diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Tingkat Empat, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor pada pukul 10.00 pagi pada 18 September 2007.

## JADUAL

Daerah—Kuala Selangor. Mukim—Ijok. No. Pelan—20957. No. Lot—861. Luas—43 ekar 2 rood 7 pol. Luas untuk dibatalkan rizab—43 ekar 2 rood 7 pol.

Bertarikh 29 Julai 2007

[P.T.K.S. 1A/57/2006; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 11]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

*Menteri Besar*

*Selangor*

Whereas, by Notification No. 450 published in the Federation of Malaya Government *Gazette* on 23 August 1956, the Menteri Besar of Selangor, in exercise of the powers conferred under section 24(i) of the Land Code, had proclaimed that the parcel of land described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan No. 20957 deposited in the office of the Chief Surveyor of Selangor, to be a reserve for the purpose of a site for Public Works Department Bukit Badong Quarry to be controlled by the State Engineer of Selangor:

And whereas, by Sel. P.U. 17 published in *Gazette* of the State of Selangor on 7 June 1984, the Ruler in Council of Selangor has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [*Act 56/1965*] to the Menteri Besar of Selangor:

And whereas, it now appears expedient to the Menteri Besar of Selangor, that the aforesaid reservation should be revoked:

Now therefore, the Menteri Besar of Selangor in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Ruler in Council and delegated to him, once again gives the notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the aforesaid reservation as described in the Schedule, and that any person who desired to object against such revocation will be heard by the State Director of Lands and Mines of Selangor at an enquiry to be held at the Gemilang Meeting Room, Land and Mines Office of the State of Selangor, Level Four, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Building, Shah Alam, Selangor at 10.00 a.m. on 18 September 2007.

## SCHEDULE

District—Kuala Selangor. Mukim—Ijok. Plan No.—20957. Lot No.—861. Area—43 acres 2 roods 7 poles. Area to be revoked—43 acres 2 roods 7 poles.

Dated 29 July 2007

[P.T.K.S. 1A/57/2006; P.U. Sel. Am 0169/1 Jld. 11]

DATO' SERI DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO

*Menteri Besar*

*Selangor*

**No. 2370.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

GRN 32551 Lot 1595 Mukim Batang Berjuntai Daerah Kuala Selangor yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Batang Berjuntai. No. Lot—1595. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 32551. Luas—2.5849 hektar.

Bertarikh 20 Julai 2007  
[PTG/BPT/Sel. 3/159/2007]

RADZIAH BINTI MD ISA  
*Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian  
Selangor*

**No. 2371.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

CT. 5431 Lot 1625 Mukim Ulu Langat Daerah Ulu Langat yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Ulu Langat. No. Lot—1625. Jenis dan No. Hakmilik—CT. 5431. Luas—2.1195 hektar.

Bertarikh 25 Julai 2007  
[PTG/BPT/Sel. 3/165/2007]

RADZIAH BINTI MD ISA  
*Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian  
Selangor*

**No. 2372.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

PN 5779 Lot 160 Seksyen 2 Bandar Petaling Jaya Daerah Petaling yang telah hilang.

## JADUAL

Bandar—Petaling Jaya. No. Lot—160 Seksyen 2. Jenis dan No. Hakmilik—PN 5779. Luas—424.1605 meter persegi.

Bertarikh 25 Julai 2007  
[PTG/BPT/Sel. 3/169/2007]

RADZIAH BINTI MD ISA  
*Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian  
Selangor*

**No. 2373.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

GRN 30046 Lot 269 Seksyen 12 Bandar Kajang Daerah Ulu Langat yang telah hilang.

## JADUAL

Bandar—Kajang. No. Lot—269 Seksyen 12. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 30046. Luas—149.0116 meter persegi.

Bertarikh 25 Julai 2007  
[PTG/BPT/Sel. 3/172/2007]

RADZIAH BINTI MD ISA  
*Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian  
Selangor*

**No. 2374.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

GRN 28724 Lot 17147 Mukim Batu Daerah Gombak yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Batu. No. Lot—17147. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 28724.  
Luas—143.066 meter persegi.

Bertarikh 26 Julai 2007  
[PTG/BPT/Sel. 3/164/2007]

RADZIAH BINTI MD ISA  
*Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian  
Selangor*

**No. 2375.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

GRN 22894 Lot 2167 Mukim Damansara Daerah Petaling yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Damansara. No. Lot—2167. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 22894.  
Luas—184.7781 meter persegi.

Bertarikh 1 Ogos 2007  
[PTG/BPT/Sel. 3/179/2007]

RADZIAH BINTI MD ISA  
*Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian  
Selangor*

**No. 2376.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran bagi GRN 23053 Lot 768 Seksyen 17 Bandar Port Swettenham Daerah Klang yang telah hilang.

## JADUAL

Bandar—Port Swettenham. No. Lot—768 Seksyen 17. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 23053. Luas—148.64 meter persegi.

Bertarikh 1 Ogos 2007  
[PTG/BPT/Sel. 3/191/2007]

RADZIAH BINTI MD ISA  
*Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian  
Selangor*



**No. 2377.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

GRN 48032 Lot 97 Mukim Kuala Kalumpang Daerah Ulu Selangor yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Kuala Kalumpang. No. Lot—97. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 48032. Luas—4.2441 hektar.

Bertarikh 1 Ogos 2007  
[PTG/BPT/Sel. 3/183/2007]

RADZIAH BINTI MD ISA  
*Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian  
Selangor*

**No. 2378.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

GRN 31924 Lot 6722 Mukim Cheras Daerah Ulu Langat yang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Cheras. No. Lot—6722. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 31924. Luas—166.1052 meter persegi.

Bertarikh 1 Ogos 2007  
[PTG/BPT/Sel. 3/166/2005]

RADZIAH BINTI MD ISA  
*Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian  
Selangor*

**No. 2379.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran Asal telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Klang. No. Lot—19642. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 35293.  
Luas—148.64 meter persegi.

Bertarikh 1 Ogos 2007  
[PTK 13/78/2007]

*Pentadbir Tanah*  
*Klang*

**No. 2380.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran Asal telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Klang. No. P.T.—16406. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 16965.  
Luas—446 meter persegi.

Bertarikh 1 Ogos 2007  
[PTK 13/13/2007]

*Pentadbir Tanah*  
*Klang*

**No. 2381.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran Asal telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Klang. No. Lot—5274. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 868. Luas—  
1.2141 hektar.

Bertarikh 1 Ogos 2007  
[PTK 13/72/2007]

*Pentadbir Tanah*  
*Klang*

**No. 2382.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Telah hilang.

JADUAL

Mukim	No. Lot/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Luas
		G.M.	Hektar
Sabak	1937	586	0.9188
		H.S.(M)	
Pasir Panjang	3339	5727	0.5999
		E.M.R.	
Sabak	1806	4525	2.0108
Sabak	394	730	2.3016
		H.S.(M)	Meter Persegi
Pasir Panjang	1940	3777	130
		G.M.	
Sabak	318	1050	149
			Hektar
Sabak	198	170	2.0234
		E.M.R.	
Sabak	1987	3843	1.9855
		G.M.	
Sabak	4044	2377	1.8961
		H.S.(M)	
Pasir Panjang	2833	5193	0.2656
		E.M.R.	
Sungai Panjang	1673	1214	1.1919
		H.S.(M)	
Pasir Panjang	16229	3432	1.1987

Mukim	No. Lot/P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Luas Hektar
		G.M.	
Panchang Bedena	16635	1286	1.2760
Panchang Bedena	16622	1328	1.1980
		E.M.R.	
Panchang Bedena	5392	4988	1.0720
		H.S.(M)	
Panchang Bedena	905	8086	1.0890
		P.M.	
Panchang Bedena	11503	1700	0.8164
		E.M.R.	
Sabak	169	143	1.0234
Sabak	425	528	1.0825
		P.M.	
Panchang Bedena	11005	1557	0.8260
		H.S.(M)	
Pasir Panjang	14134	1941	1.1960
		G.M.	
Panchang Bedena	3042	452	1.1950
		P.M.	
Sungai Panjang	2358	208	1.2064
		H.S.(M)	
Sungai Panjang	4321	1860	1.0909
		E.M.R.	
Sungai Panjang	75	60	2.1245

Bertarikh 3 Ogos 2007

[PTSB 6/5/31/07; PTSB 6/5/33/07; PTSB 6/5/34/07;]; PTSB 6/5/35/07;  
 PTSB 6/5/36/07; PTSB 6/5/37/07; PTSB 6/5/38/07; PTSB 6/5/39/07;  
 PTSB 6/5/40/07; PTSB 6/5/41/07; PTSB 6/5/42/07; PTSB 6/5/43/07;  
 PTSB 6/5/44/07; PTSB 6/5/45/07; PTSB 6/5/46/07; PTSB 6/5/47/07;  
 PTSB 6/5/48/07; PTSB 6/5/14/05; PTSB 6/5/09/06; PTSB 6/5/100/06]

NOR UYUNI HAMDY BINTI AHMAD @ AHMAD MAHDI  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Sabak Bernam*

**No. 2383.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran bagi G.M. 1421 Lot 1644 Mukim Telok Panglima Garang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Telok Panglima Garang. No. Lot—1644. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1421. Luas—2.1246 hektar.

Bertarikh 3 Ogos 2007  
[PTK.Lgt. H-1/4072]

*Pentadbir Tanah  
Kuala Langat*

**No. 2384.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran bagi P.M. 3610 Lot 4315 Mukim Tanjung Duabelas telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Tanjung Duabelas. No. Lot—4315. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3610. Luas—1.2191 hektar.

Bertarikh 7 Ogos 2007  
[PTK.Lgt. H-1/4074]

*Pentadbir Tanah  
Kuala Langat*

**No. 2385.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran bagi H.S.(M) 1447 Lot 2846 Mukim Kelanang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Kelanang. No. Lot—2864. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 1447.  
Luas—0.7822 hektar.

Bertarikh 10 Ogos 2007  
[PTK.Lgt. H-1/4075]

*Pentadbir Tanah  
Kuala Langat*

**No. 2386.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran bagi P.M. 828 Lot 1888 Mukim Kelanang telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Kelanang. No. Lot—1888. Jenis dan No. Hakmilik—  
P.M. 828. Luas—1.8008 hektar.

Bertarikh 10 Ogos 2007  
[PTK.Lgt. H-1/4075]

*Pentadbir Tanah  
Kuala Langat*

**No. 2387.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Ampang. No. P.T./Lot—13147. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M)  
7092. Luas—111.48 meter persegi.

Bertarikh 8 Ogos 2007  
[PTD.UL 6/8/73-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2388.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik

yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

JADUAL

Mukim—Ampang. No. P.T./Lot—26134. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 25039. Luas—111.48 meter persegi.

Bertarikh 8 Ogos 2007  
[PTD.UL 6/8/72-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2389.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

JADUAL

Mukim—Ampang. No. P.T./Lot—14183. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 8415. Luas—68.9318 meter persegi.

Bertarikh 13 Ogos 2007  
[PTD.UL. 6/8/77-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2390.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

JADUAL

Mukim—Ampang. No. P.T./Lot—17520. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 18080. Luas—400 meter persegi.

Bertarikh 13 Ogos 2007  
[PTD.UL. 6/8/67-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2391.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

## JADUAL

Mukim— Ampang. No. P.T./Lot—964. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 8637. Luas—65.03 meter persegi.

Bertarikh 13 Ogos 2007  
[PTD.UL. 6/8/69-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2392.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

## JADUAL

Mukim— Ampang. No. P.T./Lot—33527. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 421/M1/7/92.

Bertarikh 13 Ogos 2007  
[PTD.UL. 6/8/75-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2393.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

## JADUAL

Mukim— Ampang. No. P.T./Lot—29965. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 303/M1/3/5.

Bertarikh 13 Ogos 2007  
[PTD.UL. 6/8/76-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*



**No. 2394.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Semenyih. No. P.T./Lot—2558. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 927. Luas—88.3 meter persegi.

Bertarikh 13 Ogos 2007  
[PTD.UL. 6/4/71-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2395.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Cheras. No. P.T./Lot—10843. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 358. Luas—0.8028 hektar.

Bertarikh 13 Ogos 2007  
[PTD.UL. 6/2/68-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2396.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Cheras. No. P.T./Lot—266. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 336. Luas—20790.6919 meter persegi.

Bertarikh 13 Ogos 2007  
[PTD.UL. 6/2/78-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2397.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Kajang. No. P.T./Lot—32271. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 19641. Luas—109 meter persegi.

Bertarikh 13 Ogos 2007  
[PTD.UL. 6/3/74-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2398.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik Keluaran telah hilang.

## JADUAL

Mukim—Kajang. No. P.T./Lot—3140. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4375A. Luas—130.06 meter persegi.

Bertarikh 13 Ogos 2007  
[PTD.UL. 6/3/70-2007]

*Pentadbir Tanah  
Hulu Langat*

**No. 2399.**

(Seksyen 175A)

NOTIS-NOTIS BERHUBUNGAN DENGAN PENYEDIAAN DOKUMEN  
HAKMILIK DAFTAR SEMENTARA

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Bab 4 Bahagian Sepuluh Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menyedia suatu dokumen hakmilik daftar sementara berhubungan dengan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab berikut:

Hakmilik Daftar telah hancur.

2. Selepas tersiarnya notis ini dalam *Warta*, tiada Pendaftar atau Pentadbir Tanah boleh menerima untuk pendaftaran apa-apa suratcara urusaniaga yang menyentuh tanah itu atau memasukkan apa-apa kaveat persendirian di bawah seksyen 322 atau apa-apa kaveat pemegang lien di bawah seksyen 330 yang berkenaan dengannya sehingga catatan dalam dokumen hakmilik daftar sementara telah disahkan di bawah seksyen 175F.
3. Mana-mana orang atau badan yang mempunyai kepentingan dalam tanah tersebut boleh memohon dalam tempoh tiga bulan tersiarnya notis ini dalam *Warta* kepada Pendaftar dalam Borang 10F bahawa nama tuanpunya/mana-mana orang yang mempunyai kepentingan berdaftar atau kepentingan bolehdaftar dimasukkan dalam dokumen hakmilik daftar sementara.
4. Mana-mana orang atau badan yang ada memiliki dokumen hakmilik keluaran hendaklah dalam tempoh tiga bulan tersebut, menyerahkannya kepada Pendaftar.

## JADUAL

Daerah—Kuala Lumpur. Mukim—Kuala Lumpur. Jenis dan No. Hakmilik—Geran 14333. No. Lot—7358. Luas—1875 kaki persegi.

Bertarikh 25 Julai 2007  
[PTG/BPT/Sel. 3/187/2007]

RADZIAH BINTI MD ISA  
*Timbalan Pendaftar Hakmilik  
Pejabat Tanah dan Galian  
Selangor*

**No. 2400.**

